

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 17 BILANGAN 11 RABU 15HB. MACH 1972 1392 محرم 29 رابو PERCHUMA

PERKAHWINAN TIDAK BERARTI MENGHALANG UNTUK BERGERAK DALAM PERSATUAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemimpin2 dan ahli2 persatuan belia di-negeri ini telah di-ingatkan bahawa perkahwinan itu tidak-lah bermakna sa-bagai satu sekatan untuk meneruskan kegiatan2 mereka dalam persatuan.

Mereka hendak-lah ingat ia-itu walau pun kerja2 dalam persatuan di-berikan dengan sukarela, tetapi tidak-lah patut kita hendak menyingkirkan diri sedang persatuan itu di-asaskan bersama.

Ingatan ini telah di-berikan oleh Yang Di-Pertua Majlis Belia2 Negeri Brunei, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja sa-waktu merasmikan pembukaan meshuarat agong Persatuan Pandai Besi pada hari Jumaat lepas.

Beliau berkata, berbagai2 alasan kerap kali di-berikan bilamana di-tanya ketidak aktiban mereka dalam pergerakan persatuan atas sebab beberapa kegagauan atau kesibokan.

Kegagauan2 yang tidak dapat di-tinggalkan, katanya, ada-lah alasan yang munasabah, tetapi kegagauan sekarang ini ada-lah kerana melihat wayang atau kegagauan yang tidak berfaedah.

Beliau yakin, ini-lah salah satu sebab sa-tengah2 persatuan itu bergerak sa-bagai umang dan takuyong dan timbul tenggelam macham petungut di-atas ayer.

"Kemajuan dan kemunduran atau pasang surut sa-sa-buah persatuan itu ada-lah bergantung kepada pemimpin2 atau dari puchok pimpinan dan kerjasama dari ahli2-nya", tegas beliau.

Di-samping itu menurut beliau, ada empat sebab yang lain yang menyebabkan persatuan2 tidak dapat bergerak dengan lancar.

Ke-empat2 sebab itu ia-lah kegagalan menjalankan meshuarat yang di-ranchangkan kerana sa-bahagian ahli2-nya beranggapan yang mereka itu berkhidmat dengan sukarela dan bebas memilih sama ada hadir dalam meshuarat atau tidak.

Masing2 ahli membuat alasan2 "kegagauan" yang tidak mustahak; kerana ahli2 jawatankuasa-nya tinggal bertaburan di-kampung2 di-darat dan di-laut; dan membiarkan ahli yang membuat chadangan

(Lihat Muka 8)



Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin.

Lagi sa-orang penuntut Brunei mendapat ijazah B. A.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-orang lagi penuntut Brunei, Awang Ahmad bin Pehin Orang Kaya Di-Gadong, Dato Seri Utama Awang Haji Mohamed Yusof, telah tamat pengajian dari Universiti Australia Barat, dengan mendapat ijazah Sarjana Muda.

Awang Ahmad berusia 28 tahun, bekas penuntut Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin telah pergi ka-England dalam

tahun 1959 untuk melanjutkan pengajian-nya atas perbelanjaan sendiri di-Maktab Hove, Sussex dan kemudian-nya Maktab Teknikal Brighton, Sussex.

Dalam tahun 1966, Awang Ahmad mendapat biasiswa kerajaan Brunei. Beliau masuk ka-Universiti Australia Barat dalam tahun 1967 dan belajar sa-hingga tamat pengajian-nya tahun lalu, dan sekarang beliau telah pun berada di-tanah ayer.

Muzium Brunei di-buka kpd. orang ramai mulai hari ini

BANDAR SERI BEGAWAN. — Muzium Brunei di-Kota Batu akan terbuka kepada orang ramai mulai hari ini.

Ia-nya akan di-buka dari jam 10.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan dari jam 2.00 hingga 5.30 petang pada tiap2 hari. Hari Jumaat ia-nya akan di-buka dari jam 9.00 pagi hingga 11.30 pagi dan dari jam 2.00 hingga 6.00 petang. Muzium itu akan di-tutup pada tiap2 hari Isnin.

Di-antara barang2 yang di-pamerkan di-muzium itu termasuk-lah Alat2 Penangkap Ikan dan Penangkap Binatang (Animal and Fishing Traps); Pameran Shell (Shell Exhibition); Ilmu Kejadian Alam (Natural History); Kebudayaan Brunei dan Borneo (Brunei and Borneo Culture); Tambikar (Ceramics) dan Rumah2 Puak2 Asli (Native houses).

Bangunan baru Muzium Brunei terletak di-satu kawasan sa-luas 120 ekar menghala ka-Sungai Brunei. Pembenaannya di-taksirkan menelan belanja lebih \$4 juta termasuk alat2 kelengkapan dan kerja2 tambahan yang lain-nya.

Pembukaan rasmi Muzium itu telah di-lakukan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II pada 29hb. Februari lalu semasa Baginda melawat Brunei.

Pengurniaan tambang kepada pegawai2 kerajaan untuk menunaikan fardzu haji tahun depan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pegawai2 kerajaan yang berhak untuk mendapat tambang bagi menunaikan fardzu haji ka-Mekah ada-lah di-mina supaya menghantarkan permohonan2 mereka untuk mendapatkan wang tambang tersebut

bagi tahun 1973 untuk di-pertimbangkan.

Surat keliling Pejabat Setiausaha Kerajaan berkata, permohonan2 hendak-lah sampai kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan tidak lewat dari 6hb. April. Permohonan2 yang diterima sa-lepas tarikh tersebut

tidak akan di-layani.

Semua permohonan2 hendak-lah di-hantarkan melalui ketua2 jabatan masing2 yang mana di-kehendaki mengemukakan-nya kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan bersama2 dengan laporan2 lengkap berhubung dengan pemohon2 itu.



Pesuruhjaya Pandu Puteri Negeri Brunei, Datin Rosnah Isa (nombor empat dari kanan) bergambar ramai dengan pegawai2 persatuan tersebut di-upachara sambutan hari jadi pengasas pengakap dan pandu puteri Lord dan Lady Baden Powell itu.



Gambar atas menunjukkan salah satu acara yang merupakan persembahan pandu2 puteri dari Kompeni Pertama Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri yang menunjukkan aneka pakaian.

Peluang melanjutkan pelajaran ka-Politeknik Singapura

BANDAR SERI BEGAWAN. — Chalun2 yang mempunyai keraayaan Brunei serta dapat memenohi syarat2 Dermasiswa Kerajaan Brunei iada-lah di-pelawa memohon untuk mendapat Dermasiswa Kerajaan Brunei bagi melanjutkan pelajaran di-Politenik Singapura (Singapore Polytechnic) bagi Tahun Pengajian 1972/73.

Untuk di-pertimbangkan masok ka-kursus2:

- (a) Sijil dan Diploma Ahli Teknik.
- (b) Pra — Latehan Laut dan Pegawai2 Marine Radio.

Kelayakan:

Chalun2 mesti-lah lulus dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia atau yang sa-taraf dengan-nya serta mendapat kepujian dalam mata pelajaran yang berikut:

- (i) Bahasa Inggeris.
- (ii) Ilmu Hisab Tambahan atau Permulaan.
- (iii) Salah satu mata pelajaran Sains (kejuruteraan Sains, Sains Fizik, Fizik dan Kimia).

Keutamaan akan di-beri kepada chalun2 yang mempunyai kelulusan tambahan dalam satu atau lebih mata pelajaran yang berikut:

Lukisan Jometri dan Mekanik.

Tukang Logam atau Tukang Logam (Kejuruteraan).

Letrek — Eletronik (untuk kursus2 kejuruteraan Letrek).

Tukang Kayu (untuk kursus2 Kejuruteraan Awam & Bangunan).

Lukisan Bangunan dan Jomteri (untuk kursus2 Kejuruteraan Awam & Bangunan).

Fizik (untuk kursus2 Getah dan Pelastik).

Chalun2 mesti-lah di-akui sehat oleh doctor untuk mengikuti kursus.

Borang2 permohonan dan lain2 penerangan yang berkaitan boleh di-dapati daripada Pegawai Dermasiswa dan Kesejahteraan, Ibu Pejabat, Jabatan Pelajaran, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Tarikh tutup bagi penerimaan permohonan ia-lah 7 hari sa-lepas pengumuman rasmi keputusan peperiksaan SPM tahun 1971 yang akan di-ketahui tidak lama lagi. Permohonan2 yang lewat tidak akan di-layan.



Upachara yang meriah itu di-akhiri dengan nyanyian beramai2 "good night girl guide, good night scout" yang juga di-ambil bahagian oleh pegawai2 persatuan itu. (gambar atas).

Sambutan meriah memperingati hari jadi pengasas Pandu Puteri dan Pengakap

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pandu2 puteri di-negeri ini telah di-ingatkan supaya benar2 mempraktikkan kehendak undang2 pertubuhan itu bagi mencapai faedah2 yang bernilai tinggi.

Dengan mematohi kehendak undang2 itu, maka sa-tiap pandu puteri di-negeri ini akan sentiasa taat setia, memberi pertolongan, bersopan santun dan mempunyai perasaan persahabatan dan persaudaraan.

Pesuruhjaya Pandu Puteri Negeri Brunei, Datin Rosnah Isa menekankan bahawa jika rukun sa-puluh pandu puteri itu di-amalkan, maka pandu puteri di-negeri ini bukan saja akan merupakan pandu puteri yang tulin dan sejati tetapi juga akan menjadi raayat yang ideal.

"Mereka juga akan menjadi anggota masyarakat yang di-kehendaki oleh zaman kemajuan ini", tegas-nya.

Beruchap di-satu upachara unggun api yang di-adakan oleh Persatuan Pandu Puteri dan Pengakap Daerah Brunei dan Muara baru2 ini di-Ibu Pejabat Pengakap di-Gadong, Datin Rosnah mengingatkan mereka kepada amanat bapa pengakap dunia, Lord Baden Powell:

"Chuba-lah berbuat baik kepada sa-siapa jua, sa-kurang2-nya sa-kali sa-hari — dan kita hendak-lah meningkatkan dunia ini nanti sa-bagai sa-buah tempat yang lebih baik daripada mula2 kita menjumpai-nya".

Upachara unggun api itu di-adakan khas bagi memperingati hari jadi Lord dan Lady Baden Powell yang telah mendapat sambutan yang meriah di-kalangan anggota2 pandu

puteri, pengakap2 dan orang ramai, termasuk para ibu bapa.

Turut beruchap di-upachara itu ia-lah Penulong Pesuruhjaya Pengakap Negeri Brunei, Awang Shahbudin Saleh.

Hadhir juga di-upachara itu ia-lah Naib Yang Di-Pertua Persatuan Pandu Puteri Negeri Brunei, Datin Butterell.

Antara achara2 yang di-adakan sa-lain dari unggun api ia-lah tari2an dan nyanyi2an oleh anggota2 pandu puteri, pengakap dan juga pegawai2 persatuan tersebut.

Peraduan trengkas, menaip dan steno

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa akan mengadakan Peraduan2 trengkas, menaip dan steno dalam bulan Mei tahun ini.

Ini telah di-putuskan dalam mesuarat Penyelia2 Kelas2 Dewasa dan guru2 trengkas dan menaip yang telah di-adakan di-Sekolah Melayu Pusuar Ulak di-Bandar Seri Begawan pada minggu lalu.

Peraduan2 itu ada-lah terbuka kepada semua penuntut2 trengkas dan menaip di-negeri ini dalam aliran Melayu dan Inggeris.

Penuntut2 yang ingin hendak mengambil bahagian dalam peraduan itu boleh-lah mendapatkan borang2 dari guru2 trengkas dan menaip.

Borang2 itu mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Peraduan, Awang Abdullah bin Tahir, tidak lewat dari 15 April.

Satu pameran hasil menaip yang berbakat seni juga akan di-adakan sa-lama tiga hari mulai 1 Jun.

DI-MERATA dunia, bahkan di-dalam negeri kita sendiri, banyak orang berusaha menuntut perbaikan nasib dan keadaan. Ada yang menuntut perbaikan sosial-nya, perbaikan ekonomi-nya, politik-nya, perguruan-nya dan lain2 lagi. Perbaikan yang di-tuntut orang semua itu tidak salah. Kerana sa-tiap orang ingin hidup baik dan sempurna di-lapangan yang ia berada pada-nya.

Dalam hal ini kaum muslimin pun tidak ketinggalan. Tetapi di-lapangan manakah yang mesti kita tujukan perbaikan itu? Untuk menjawab pertanyaan ini mari-lah kita perhatikan sabda Nabi Mohammad s.a.w. dalam do'a-nya yang bermaksud:

"Ya Tuhan ku perbaiki-lah bagiku UGAMA ku yang dia itu menjadi pelindung urusan ku, dan perbaiki-lah bagi ku di-dunia ku yang di-dalam-nya ada penghidupan ku, dan perbaiki-lah bagi ku akhirat ku yang kapada-nya tempat kembali ku dan jadikan-lah hidup itu sa-bagai tambahan bagi ku dalam tiap2 kebaikan dan jadikan-lah mati itu sa-bagai kelepasan bagi ku dari tiap2 kejahatan".

Nabi kita Mohammad s.a.w. tidak meninggalkan urusan di-dunia, kerana mengharapkan akhirat sa-mata2.

Dalam kandungan do'a Nabi yang tersebut itu ada tiga perkara yang menjadi tugas mutlak bagi kaum muslimin melaksanakan-nya: Ia-itu perbaikan dalam perkara UGAMA, perbaikan dalam dunia dan perbaikan dalam perkara akhirat. Satu dengan yang lain ada tali menali dan jalin men-jalin dengan amat kuat-nya.

Ada pun perbaikan dalam

Pandangan jauh Nabi Mohammad s.a.w. terhadap kepentingan masa depan umat-nya

perkara UGAMA, ia-itu hendak-lah kita bersungguh2 menjalankan UGAMA menurut perintah Allah dan mengikuti contoh2 yang di-berikan oleh Rasulullah s.a.w. Perintah Allah dan Rasul-nya itu wajib kita utamakan lebih daripada segala perintah. Dan larangan-nya wajib kita jauhi lebih dari segala larangan di-dunia. Harta benda, tenaga dan

"Baginda tidak memaksa umat-nya supaya memakai pakaian yang baginda pakai, chuma umat-nya di-seru supaya tidak melampaui batas"

fikiran, bahkan jiwa sekali pun kalau di-minta buat kepentingan UGAMA Allah dan untuk jihad di-jalan Allah, hendak-lah kita berikan, bahkan kepentingan UGAMA Allah itu wajib kita utamakan lebih dari segala kepentingan.

Demikian-lah Nabi Mohammad s.a.w. yang di-ikuti oleh sahabat2-nya dalam memperbaiki perkara UGAMA. Ia-itu



KHUTBAH JUMA'AT

UGAMA Allah di-letakkan di-muka sekali. Tidak di-lepas-kan dan tidak di-lupakan walaupun pun di-mana juga mereka berada.

Kerana mereka berkeyakinan bahawa UGAMA itu-lah satu2nya alat yang dapat di-jadikan pelindung atau pengendali buat segala urusan dan ugama pula yang dapat memberi pimpinan yang benar dan lurus kepada manusia. Perkara ini terdapat dalam firman Allah yang bermaksud: **"Barang siapa yang berpegang dengan UGAMA Allah, maka sesungguhnya ia telah di-beri petunjuk kepada jalan yang lurus".**

Ada pun mengenai perkara memperbaiki urusan di-dunia, maka hendak-lah kita ketahui, bahawa kerosakan kita dalam urusan dunia ada pertalian-nya dengan urusan UGAMA. Kerosakan kita dalam urusan UGAMA ia-itu di-sebabkan kita tidak kerjakan menurut yang di-perintah dengan sa-benar2-nya oleh UGAMA. Maka kerosakan dalam urusan dunia pun kerana demikian juga.

Di-dalam perkara UGAMA kita di-suruh mengikut petunjuk Nabi s.a.w. Sa-bagaimana yang di-firmankan oleh Allah Subhanahu-Wataala yang bermaksud: **"Dan apa2 yang di-tunjukkan oleh Rasul kepada kamu hendak-lah kamu mengambill dan apa2 yang di-tegah-nya hendak-lah kamu hentikan".**

Tetapi dalam perkara dunia Nabi memberi kelepuhan kepada umat-nya supaya maju dan dapat mengatasi umat2 yang lain sa-bagaimana sabda-nya yang bermaksud: **"Kamu lebih mengetahui segala urusan dunia kamu".**

Dari sabda Baginda ini, menunjukkan bahawa Nabi mempunyai pandangan yang jauh pada masa yang akan datang. Baginda tidak memaksa bahawa umat-nya memakai pakaian yang Baginda pakai. Begitu juga makan makanan, menggunakan alat perang, perubatan, mengotor rumah-tangga, menyusun negara dan lain2 urusan di-dunia, tidak-lah di-tetapkan mesti sa-perti yang di-lakukan di-masa hidup-nya.

Urusan dunia di-serahkan kepada kecekapan dan kebijaksanaan masing2, kerana umat-nya akan lebih mengetahui urusan dunia sendiri. Hanya di-terangkan mana2 yang terlarang sahaja, supaya umat-nya tidak melampaui batas. Maka di-dalam perkara dunia sudah sa-demikian luas-nya dari oleh Nabi kelapangan dan kesempatan untuk maju, jangan-lah hendak-nya kita bersempit dan jangan pula kita lengahkan. Ambil-lah kesempatan, gunakan-lah peluang untuk menchapai kemajuan sa-banyak2-nya di-dalam segala apa juga lapangan di-dunia ini.

Ahli2 J/K PAPP bagi tahun 1972

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Angkatan Pemuda Pemuda Kampong Sultan Lama telah mengadakan mesuarat agong-nya yang ke-9 baru2 ini.

Meshuarat tersebut telah diadakan di-rumah persatuan itu di-Kampong Sultan Lama dan ia-nya telah di-rasmikan oleh Yang Di-Pertua Majlis Belia2 Negeri Brunei, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin.

Berikut ini ia-lah ahli2 jawatankuasa yang telah di-pilih untuk mentadbirkan persatuan itu bagi tahun 1972.

Sulaiman bin Puteh — Yang Di-pertua; Ismail bin Apeng — Tim. Yang Di-pertua; A. Mahmud bin Hussin — Pengerusi Tetap; Abdul Wahab bin Haji Abd. Latif — Setia Usaha Agong; Md. Daud

bin Taha — Tim. S/U Agong; Mohd. Tahir bin Bakir — Bendahari Agong; Mohd. Taha bin Jamboi — Tim. Bendahari Agong; Abd. Rahman bin Haji Naim — Seksi Sukan dan Permainan; Dy. Aminah binte Md. Yassin — Seksi Kesenian & Kebudayaan; Pg. Wahab bin Pg. Kamar — Seksi Kebajikan; Pg. Sulaiman bin Pg. Yusof — Seksi Pertukangan; Dy. Nafisah binte Ahmad Seksi Wanita.

Md. Zain bin Haji Omar, Tahir bin Hamzah dan Ak. Mohd. Alam bin Pengiran Anak Safar di-pilih sa-bagai ahli2 jawatankuasa. Dua orang telah di-pilih sa-bagai pemereks kira2. Mereka ia-lah Md. Hassan bin Tahir dan Zaini bin Haji Omar.

Ketua Kampong Sultan Lama, Awang Haji Omar bin Duah telah di-lantek sa-bagai penasehat persatuan tersebut.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 15hb. Mach 1972 hingga ka-hari Selasa 21hb. Mach, 1972 ada-lah saperti di-bawah ini:-

Bulan Hari	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh Terbit Matahari
15hb. Mach	12-33	3-52	6-36	7-47	4-56	5-10 6-25
16hb. Mach	12-33	3-52	6-36	7-47	4-56	5-10 6-25
17hb. Mach	12-33	3-52	6-36	7-47	4-56	5-10 6-25
18hb. Mach	12-33	3-52	6-36	7-47	4-56	5-10 6-25
19hb. Mach	12-33	3-52	6-36	7-47	4-56	5-10 6-25
20hb. Mach	12-33	3-52	6-36	7-47	4-56	5-10 6-25
21hb. Mach	12-32	3-50	6-35	7-46	4-54	5-90 6-23

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.



(15hb. Mach, 1972)

PASANG SURUT DI-KELAS2 DEWASA

PENGUASA Pelajaran Uga-ma, Awang Yahya baru2 ini telah menyatakan kesal-nya terhadap penutupan beberapa buah kelas2 dewasa Ugama yang terpaksa di-lakukan.

Sebab yang di-berikan beliau di-antara-nya ia-lah kerana ke-lalaian pelajar2 kelas2 dewasa itu sendiri yang tidak benar2 menumpukan perhatian untuk selalu menghadhiri-nya. Kadang2 kelas2 itu hanya di-hadhiri oleh sa-orang dua sahaja — dan mungkin ada kelas yang langsung tidak ada pelajar yang hadir.

Di-sini-lah barangkali yang di-katakan satu jenis perangai yang menghinggapi sa-tengah2 orang kita. Perangai ini kerap kali juga kita dengar seperti mana apa yang di-katakan sebagai "hangat2 tahi ayam".

Pada mula, sapertimana yang biasa-nya, baik di-mana2 jua pun, ia-itu pada waktu mereka berhadapan supaya di-adakan kelas2 seperti itu terdapat ber-bagai2 chara rayuan yang telah di-hadapkan kepada pehak2 yang berkenaan. Bila pehak2 yang berkenaan merasa ragu2 untuk memberi apa yang di-pinta itu dengan alasan yang kelas itu tidak akan terjamin hidup-nya seperti yang di-kehendaki, maka timbul-lah sangkaan2 yang antara-nya men-sifatkan pehak2 yang berkenaan itu tidak berjiwa kemajuan, tidak menggalakkan. Dan ada pula yang beria2 benar mem-berikan jaminan yang kelas di-pinta itu, insya Allah akan terus hidup, kerana permintaan itu ada-lah kehendak ramai, atau mereka mengatakan yang me-reka tidak mahu ketinggalan dengan lain2 pelajar di-kam-pong2 yang lain. Dan, banyak-lah lagi chara rayuan yang ka-dang2 begitu bersemangat, dan begitu menimbulkan bayangan2 kesedaran yang meluap2 untuk belajar.

Tetapi apabila ujud kelas2 yang di-pinta itu dan di-siap-kan dengan guru2-nya sekali, maka kelas2 itu lain pula ke-adaan-nya. Pada mula-nya memang-lah kelihatan yang kelas yang di-pinta itu telah di-tum-pati oleh pelajar2 dan kadang-kala ada yang sa-hingga tidak men-cukupi kerusi meja yang ada dalam kelas. Kadang2 juga, oleh sebab ramai-nya yang da-tang belajar, maka guru2 ter-paksa membahagikan kepada dua kelas, tiga kelas atau empat kelas yang dengan sendiri-nya bilangan guru2 itu juga bertambah. Dan, alau guru2 yang mengajar juga memang-lah bertambah.

Guru2 merasa gembira atas keramaian itu dan berharap keadaan itu akan berterusan. Tetapi selang beberapa bulan, bilangan pelajar2 itu semakin surut dan dapat di-katakan dari empat kelas itu hanya tinggal dua kelas sahaja.

Mula-nya bersemangat, tetapi akhir-nya semangat itu hilang. Tetapi bila kelas itu di-tutup, mereka marah.

Kita suka mengingatkan, bila hendak marah, perhatikan dulu kesilapan diri sendiri dan se-mangat itu biar-lah semangat yang tidak luntur di-makan zaman.

ULASAN DAN KEPUTUSAN PERADUAN MENULIS CHERITA TATARA'AYAT

Dari Setiausaha Peraduan,
Awang Muhammad Ali Razak

PERADUAN Menulis Cheri-ta Tata'ayat untuk bacaan Darjah IV telah selesai di-hakimkan. Peraduan ini mula di-umumkan kepada orang ramai sejak awal bulan Mei 1971. Oleh beberapa sebab tarikh penutup yang di-jangka pada bulan September 1971, telah kami tunda dan kami panjangkan dalam jangka-masa sa-bulan dari penutupan rasmi itu. Peng-umuman keputusan peraduan pun turut di-tunda sa-hingga tarikh ini.

Metalamat utama peraduan ini — memenohi kekosongan yang ada di-bidang penulisan buku cherita tata'ayat untuk bacaan sekolah2 rendah di-negeri ini. Buku2 cherita ta-tara'ayat bukan-lah tidak ada langsung tetapi buku2 yang ada samada kerana ia di-tulis dalam bahasa2 asing atau ti-dak dapat memenohi Syarat dan Peratoran untuk peneri-maan kanak2 kita dengan ke-perluan hakiki untuk —

- * mengasoh kanak2 untuk mengenal identiti Brunei yang positif dari pergaulan hidup dengan mas-harakat-nya;
- * memperkembangkan watak2 warganegara yang baik dalam jiwa dan sa-nubari kanak2;
- * menanamkan kekuatan semangat, peribadi dan disiplin melalui kerja dan amalan sa-harian yang ada hubungan dengan nilai2 tempatan.

Rangkakerja yang besar ini dengan chara yang tidak lang-sung berusaha untuk meng-ujudkan satu perubahan sikap dan pendirian dari segi kejiwa-an dan pemikiran kanak2 Brunei dari peringkat rendah. Perub-ahan dasar begini — untuk mendekatkan keperibadian dan identiti tempatan — bu-kan tidak mungkin dan mus-tahil untuk di-lakukan. Telah menjadi hakikat yang alam

kanak2 ada-lah tapak yang kukuh untuk memberi segala chorak dan menanam bakat baru. Penuangan, dalam arti-kata yang baik, dapat di-laku-kan pada peringkat mentah dan puteh ini.

Agar tidak terbabas dari garis penulisan yang bersifat tata'ayat, kami telah meng-ariskan beberapa rangka be-sar dan panduan untuk meng-arang kepada bakal peserta yang ingin menyertai per-aduan ini.

Hampir sa-paroh dari naskh-ah2 yang kami terima telah lulus ka-peringkat akhir peng-hakiman jemaah hakim. Me-reka itu dengan kemampuan memahami Syarat dan Per-atoran, juga dapat memahami metalamat peraduan untuk mengutarakan sa-buah cherita tata'ayat untuk bacaan kanak2 dalam Darjah IV. Sa-paroh dari jumlah yang kami terima dapat menguasai;

- * ISI yang dapat memberi-kan rangka besar dengan idea2 yang sesuai di-ban-dingkan dari dasar ke-mampuan berfikir kanak2.
- * BAHASA yang dapat menyesuaikan dengan kemampuan penerimaan dan tanggapan perben-daharaan kanak Darjah IV;
- * PENYAMPAIAN yang tidak berbelit2 serta den-gan struktur cherita yang senang di-tangkap dan di-ingat o l e h kanak2.

Naskah2 yang sa-paroh lain-nya, samada kerana ke-cuaian mereka memahami Syarat dan Peratoran yang di-gariskan, atau kerana peng-alaman yang kurang dalam mendekati minat dan kema-huan kanak2, atau sebab2 lain, biar-lah di-jadikan ikti-bar untuk peraduan sa-umpa-ma ini di-masa yang akan datang.

Jawatankuasa Peraduan Menulis Cheri-ta Tata'ayat telah melantek tiga orang ha-kim yang mempunyai peng-alaman masing2 di-bidang pendidekan. Jemaah Hakim itu terdiri dari Awang Bada-



Awang Abu Bakar bin Osman.....
pemenang pertama.

ruddin Haji Osman, sa-orang guru di-Sekolah Menengah Hassanah Bolkiah/Raja Isteri Anak Damit; Awang Moxsin Haji Kadir, guru di-Maktab Melayu Paduka Seri Begawan dan Awang Mohd. Ali bin Majod, pengarang di-Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

Sa-telah menerima keputu-san muktamad dan mengada-kan Mashuarat Penyelidikan antara Jawatankuasa Per-aduan Menulis Cheri-ta Tata-ra'ayat dan Jemaah Hakim, kami telah mengambil kata sa-pakat yang keputusan itu ada-lah seperti berikut:-

Hadiah Pertama: Awang Abu Bakar bin Osman dengan tajok karangan 'Keluarga Awang Osman';

Hadiah Kedua: Dayang Norsiah binte Abd. Gapar dengan karangan yang bertajok 'Hidup Berkeluarga dan Ber-masyarakat';

Hadiah Ketiga: Awang Ahmad bin Mohd. Arshad dengan karangan yang bertajok 'Keluarga Yang Bahagia'.

Sementara lima Hadiah Penghargaan masing2 telah di-menangi oleh — Ak. Aji Pg. Mohd. T a h i r ('Keluarga Awang Bakar'), Awang Bakir Haji Tengah ('Keluarga Pak Ngah'), Awang Hussain Haji Damit ('Tangga Kemajuan'), Awang Abd. Rahman Mohd. Yusof ('Ugan') dan Mohd. Salleh bin Abd. Latiff ('Kesah Tiga Orang Adek Beradek yang bernama Saifulbahri, Suhaimi dan Samsul').

Pihak Dewan Bahasa dan Pustaka mengucapkan ribuan terima kasih kepada seluruh peserta yang menyertai per-aduan tersebut dan kepada Jemaah Hakim yang memberi-kan kerjasama dan turut mem-binchangkan keputusan terse-but di-Mashuarat Penyelidikan.

Dewan Bahasa dan Pustaka akan mengumumkan satu ta-rikh untuk Majlis Penyampai-an Hadiah.



Dayang Norsiah binte Abdul
Gapar, mendapat tempat kedua.



PERSATUAN Kampong Pandai Besi telah mengadakan sambutan Awal Muharram bertempat di-Dewan persatuan tersebut pada minggu lepas. Berbagai2 acara telah dipersembahkan dalam sambutan itu ini termasuklah peraduan membaca kitab suci Al-Quran.

Gambar atas menunjukkan sa-bahagian dari hadhirin yang telah menyaksikan persembahan pada malam itu dan sementara gambar kiri menunjukkan Awang Yahya bin Haji Ibrahim, Penguasa Pelajaran Ugama sedang menyampaikan hadiah kepada Dayang Saerah binte Awang Hitam, pemenang pertama membaca Quran bahagian kanak2. — Gambar JHEU/BP.

Gotong royong bena rumah sa-orang janda

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pejabat Kebajikan Masharakat telah mengelolakan pembenaan sa-buah rumah sa-orang janda, Dayang Saerah binte Tengah di-Kampong Sinaut, Jalan Tutong.

Pembenaan rumah itu di-lancarkan sa-chara bergotong-royong oleh anak2 buah kampung dan ahli2 Persatuan Sinaut di-ketuai oleh keluarga Haji Abang.

Perkakas2 bagi pembenaan rumah tersebut di-dermakan oleh Awang Haji Abang bin Haji Yusof, sa-orang tuan punya kilang papan di-Tutong, Awang Haji Razali bin Omar dan Che'gu Abdul Manan bin Mohamed juga turut menyumbangkan perkakas2 tersebut, sementara atap zing di-dermakan oleh Pejabat Kebajikan Masharakat.

Rumah tersebut berharga kira2 \$3,000 telah mula di-bina tiga minggu lalu dan di-jangka siap tidak berapa lama lagi.

Ahli2 SANYA melawat Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu rombongan sa-ramai 11 orang ahli Persatuan Belia Kebangsaan Sabah — SANYA akan tiba di-Brunei pada 30hb. Mach ini, untuk mengadakan lawatan sa-lama satu minggu ka-negeri ini.

Persatuan Perkumpulan Perempuan Brunei dengan kerjasama Persatuan PATUH akan menjadi tuan rumah kepada rombongan pelawat2 dari Sabah itu.

Satu ranchangan lengkap telah pun di-susun ini termasuk lawatan ka-Muzium baru di-Kota Batu dan Bangunan Peringatan Winston Churchill.

“HARI PELADANG” DI-STESHEN PERTANIAN LUMAPAS

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pertanian Bahagian Kemajuan akan mengadakan “Hari Peladang” di-Steshen Pertanian Lumapas pada hari Jumaat, 17hb. Mach mulai dari jam 9.00 pagi hingga 4.00 petang.

Satu siaran Jabatan Pertanian menyatakan beberapa pertunjukan mengenai semua aspek pertanian moden akan di-adakan, termasuk chara2 menanam padi, chara2 menggunakan jentera moden, chara2 menggunakan ubat serangga dan berbagai2 teknik memelihara binatang.

Siaran itu juga meminta pe-

ladang2, penghulu2, ketua2 kampung di-Daerah Brunei/Muara supaya menyaksikan pertunjukan itu yang mana juga akan terbuka kepada orang ramai.

Kenderaan bagi mereka yang ingin menyaksikan pertunjukan itu akan di-sediakan dan akan berada di-kawasan Band Stand di-Bandar Seri Begawan dan di-Ujong Jalan Sungai Kebun mulai dari jam 7.30 pagi.

Pertunjukan yang sama juga akan di-adakan di-Steshen Pertanian Labi di-Daerah Belait pada hari Rabu, 15hb. Mach mulai dari jam 8.00 pagi hingga 4.00 petang.

Ahli2 J/K Pengakap

GADONG. — Persekutuan Pengakap Daerah Brunei/Muara dalam Meshauarat Agong Tahunan Persekutuan itu yang di-adakan 25 Februari lalu di-Ibu Pejabat Pertubuhan Pengakap Negeri Brunei di-Jalan Gadong telah memilih beberapa orang ahli Jawatankuasa Tadbir Persekutuan itu untuk perkhidmatan tahun 1972/1973.

Ahli2 Jawatankuasa Tadbir yang baru di-pilih itu ia-lah:

Yang Di-Pertua, Awang Haji Talib bin Derwish. Naib Yang Di-Pertua, Awg. Abd. Razak bin Mohamed. Pengerusi, Awg. Haji Abdi Manaf bin Penyurat Hj. Abu Bakar. Penolong Pengerusi, Che'gu A.M. Yusoff Daud.

Pesuruhjaya Daerah, Awg. Mohd. Hassan bin Hj. Timbang. Penolong Pesuruhjaya Daerah, Awg. A.M. Salleh Hj. Ibrahim. Setia Usaha Kehormat, Awg. N.M. Mathew; Penolong Setia Usaha Kehormat, Awg. Md. Zain bin Hj. Ariff, dan Bendahari, Awg. Zakaria bin Jeneh.

Pemereksa Kira2, Awg. Elias P. Jupp dan Awg. Ahmad Wally Skinner.

HAMPIR 7,000 PELAJAR KELAS DEWASA UGAMA DAN QURAN

LAMBAK, BERAKAS. — Hampir 7,000 orang raayat negeri ini telah mengikuti kelas2 dewasa bagi pelajaran ugama Islam dan kelas2 Quran diseluruh negeri.

Ini ada-lah merupakan satu kejayaan yang di-chapai sa-jauh ini oleh Jabatan Hal-Ehwal Ugama dalam projek-nya untuk membekalkan ilmu pengetahuan ugama di-kalangan penduduk2 dewasa.

Nazir Sekolah2 Ugama Bahagian Dewasa, Dayangku Salimah binte Pengiran Haji Ismail

Jualan lelong

DENGAN ini di-maklumkan bahawa jualan lelong barang2 emas yang tidak ditebus akan di-adakan pada 23hb. Mach, 1972 jam 9.00 pagi, bertempat di-Bilik Mahkamah, Kuala Belait.

dalam ucapan-nya di-majlis penyampaian sijil2 kepada pelajar2 Dewasa Ugama di-Kampung Lambak pada hari Jumaat lepas telah menyatakan keyakinan-nya bahawa bilangan itu akan semakin bertambah lagi melihat kepada keinginan penduduk2 dewasa untuk menambahkan pengetahuan mereka di-bidang keagamaan.

Menurut-nya bahawa pada masa ini telah tertubuh sa-banyak 178 buah kelas dewasa ugama, sementara kelas mengaji Quran telah meningkat sa-banyak 108 buah.

Kelas Dewasa Ugama, katanya, mempunyai sa-ramai 4,237 orang pelajar, sementara pelajar bagi kelas mengaji Quran meningkat sa-ramai 2,581 orang.

Bilangan pelajar2 di-kedua2 bahagian itu ada-lah terdiri dari orang2 dewasa lelaki dan perem-

puan dan di-yakini pelajar2 dewasa perempuan ada-lah melebihi dari pelajar2 lelaki.

Dari bilangan itu, kata-nya, sa-ramai kira2 2,000 orang telah pun memasuki peperiksaan yang di-adakan dalam bulan Februari tahun lalu dan di-yakini yang memasuki peperiksaan akan datang akan bertambah lagi.

Menyatakan tentang perubahan masa peperiksaan, beliau berkata bahawa peperiksaan tahunan pelajaran dewasa Ugama dan Quran akan di-adakan dalam bulan Disember, tidak lagi dalam bulan Februari seperti waktu2 yang sudah2.

Kapada penuntut2 yang telah pun menerima sijil kelulusan masing2, beliau menasihatkan supaya ia-nya tidak hanya di-jadikan perhiasan dengan bingkai yang cantik, tetapi hendaklah di-buat sa-bagai pendurong yang kuat untuk terus menuntut ilmu pengetahuan yang lebih tinggi lagi.

Beliau memuji akan ketekunan pelajar2 Sekolah Dewasa Ugama di-Kampung Lambak yang

(Lihat muka 8)

PELUANG UNTUK MEMASOKI MAKTAB PERTANIAN MALAYA

BANDAR SERI BEGAWAN.

Permohonan ada-lah di-pelawa dari chalu2 lelaki yang berhak mendapat biasiswa Kerajaan Brunei bagi memasoki Maktab Pertanian di-Malaysia Barat bagi musim pengajian 1972/1973.

Sa-orang juruchakap bagi Jabatan Pelajaran berkata,

Sharat2 penerimaan murid2 baharu memasoki sekolah2 Melayu

BANDAR SERI BEGAWAN.

Pendaftaran murid2 baharu untuk di-terima masuk ka-sekolah2 Melayu di-seluruh negeri pada awal persekolahan tahun 1973 telah pun di-mula dalam bulan ini.

Untuk panduan ibu2 bapa dan penjaga kanak2 yang hendak menghantar anak2 mereka bersekolah pada tahun hadapan, berikut ini ia-lah sharat2 penerimaan murid2 baharu itu:

- (i) Kanak2 yang boleh diterima, ia-lah kanak2 yang di-lahirkan sa-belum 1HB JANUARI, 1968.
- (ii) Ibu bapa atau Penjaga kanak2 hendaklah terlebih dahulu mendaftarkan nama kanak2 itu (dengan mengisikan borang) kepada sekolah yang berdekatan dengan-nya. Borang permohonan boleh di-dapati dari Sekolah2 Melayu di-negeri ini.
- (iii) Tarikh pendaftaran dimulakan dari bulan Mach, 1972, dan akan di-tutup pada 30HB JUN, 1972. Permohonan2 yang lewat dari tarikh tersebut tidak akan di-layani.
- (iv) Sa-telah permohonan itu diterima dan di-daftarkan, maka Guru Besar Sekolah2 yang berkenaan hendaklah mengeluarkan Kad jawapan bagi menentukan kedudukan kanak2 itu, kepada ibu bapa atau penjaga kanak2 yang memohon itu.
- (v) Penerimaan belajar mulai dari tarikh sekolah di-buka pada awal persekolahan tahun 1973 dan tempoh penerimaan murid2 baharu ini ia-lah DUA MINGGU SAHAJA.
- (iv) Kanak2 itu di-kehendaki membawa SURAT BERANAK-NYA dan guru yang menerima hendaklah meneliti sama ada betul atau bersalahan dari apa yang di-tuliskan dalam borang pendaftaran itu. Jika di-dapati bersalahan atau melanggar peraturan umur bersekolah, maka Guru Besar bolehlah menolak permohonan itu dengan memberi nasihat kepada penjaga kanak2 itu supaya menunggu pada sa'at yang bersesuaian dengan umur kanak2 itu di-bolehkan bersekolah.

chalun2 itu mesti-lah sekurang2-nya mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia atau Sijil Persekolahan Seberang Laut Pangkat Satu atau Dua dengan mendapat kepujian dalam Bahasa Melayu, lulus dalam bahasa Inggeris, kepujian dalam ilmu hisab dan lulus dalam Sains Am.

Mereka itu mesti-lah berumur 17 tahun.

Kursus diploma itu ada-lah sa-lama tiga tahun.

Bagi kursus permulaan sa-lama sa-tahun, chalun2 itu mesti-lah lulus Sijil Persekolahan atau Sijil Pelajaran Malaysia dengan mendapat kepujian dalam Bahasa Melayu dan lulus dalam bahasa Inggeris.

Sa-telah tamat kursus permulaan mereka boleh meneruskan pelajaran mereka dalam tahun pertama kursus diploma.

Borang2 permohonan boleh di-dapati dari Pegawai Dermasiswa dan Kesejahteraan, Jabatan Pelajaran dan borang2 itu mesti-lah di-kembalikan kepada-nya tidak lewat dari 10 hari sa-lepas keputusan rasmi pepereksaan Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Persekolahan Seberang Laut di-umumkan. Permohonan2 yang lewat tidak akan di-layan.

Chalun2 yang layak akan di-tapis terlebih dahulu oleh pihak berkuasa kolej sa-lepas itu baru-lah di-panggil untuk ditemu duga pada suatu masa yang akan di-tetapkan kelak.

Majalah Tafsir

BANDAR SERI BEGAWAN.

Majalah "TAFSIR DARUS SALAM" siri ketiga terbitan Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei sekarang sudah terbit dan sedang di-jual kepada orang ramai dengan harga 50 sen sa-naskah.

Dalam keluaran kali ini, "TAFSIR DARUS SALAM" memuat antara lain: Tafsiran dan huraian ayat (26) hingga (39) dari Surat Al-Baqarah.

Majalah tersebut boleh dibeli dari Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan dan chawangan-nya di-semua daerah di-negeri ini.

Majalah Dewasa keluaran ketiga

BANDAR SERI BEGAWAN.

Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa sekarang sedang mengumpul dan menyusun cerita2 dan lain2 rencana bagi terbitan dalam keluaran ketiga majalah-nya—"Majalah Dewasa".

Sa-orang juruchakap bagi Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa berkata, jika ada penuntut2 kelas dewasa



Sukan tahunan

SERIA. — Pesta sukan tahunan bersama Sekolah St. Michael dan Sekolah St. John di-Seria dan Kuala Belait telah di-adakan di-Gelanggang Sukan di-Seria pada hari Sabtu lepas.

Lebeh dari 100 orang murid lelaki dan perempuan telah mengambil bahagian dalam 40 acara.

Achara2 itu termasuk lumba berganti2 antara sekolah2.

Pegawai Daerah Belait, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Omar telah merasmikan sukan itu.

Pemilihan penghulu bagi Mukim Labu, Temburong

TEMBURONG. — Penduduk2 Mukim Labu di-Daerah Temburong akan berhimpun di-Balai Raya Labu Estate pada hari Sabtu 25 Mach untuk menamakan chalun2 bagi sa-orang Penghulu Pangkat Dua bagi Mukim Labu.

yang ingin memuatkan hasil karya mereka dalam majalah itu bolehlah menghantarkannya kepada Jabatan Pelajaran, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari 30hb. Mach.

Majalah itu akan mengandungi rencana2 mengenai pelajaran, pertanian, kesihatan dan sains urusan rumah tangga.

HARI Peladang yang di-anjarkan oleh Jabatan Pertanian Bahagian Perkembangan telah di-adakan di-Pusat Pertanian Kilanas pada minggu lalu.

Tujuan di-adakan Hari Peladang itu ia-lah untuk memberi peluang kepada orang ramai khususnya kaum peladang bagi menyaksikan sa-chara dekat chara2 pertanian moden di-laksanakan.

Sa-lain dari berjenis tanam2an, beberapa buah jentera untuk kegunaan pertanian seperti jentera pembajak dan pengisar juga di-pertunjukkan oleh beberapa buah sharikat di-negeri ini.

Gambar atas: Sa-orang pekerja dari Sharikat Tractors Malaysia Berhad sedang menunjukkan chara2 mengendalikan sa-buah jentera pengisar padi kepada pelawat2 pada hari itu.

Pegawai Daerah Temburong Awang Abdullah bin Haji Mohamed Jaafar berkata, semua penduduk2 di-kawasan itu yang berumur 21 tahun ka-atas ada-lah di-minta hadir di-balai raya itu pada pukul 9.00 pagi hari tersebut.

Awang Abdullah juga berkata, sa-orang chalun bagi jawatan itu mesti-lah raayat Sultan, berumur di-antara 30 dan 45 tahun.

Chalun itu mesti-lah lulus Darjah V Melayu dan tinggal di-kawasan itu.

Chalun itu mesti-lah bukan pegawai kerajaan atau kakitangan dalam mana2 firma atau badan2 perniagaan.

Borang2 bagi penamaan chalun itu boleh di-dapati di-Pejabat Daerah di-Daerah Temburong.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

Sa-bagai Pembantu Rumah Sakit Perchubaaan

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 lelaki yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan bagi memenuhi jawatan Pembantu Rumah Sakit Perchubaaan di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah sudah berumur 18 tahun. Mereka mesti-lah lulus sekurang2-nya peperiksaan Form III di-Sekolah Inggeris, atau yang bersamaan.

Tingkatan Gaji:

Perchubaaan — D 1-2 — \$230x10-290x15-380.

Pembantu Rumah Sakit Terlatih — D 3-4 — \$410x20-510.

Sharat2 Lantekan:

Pemohon2 yang berjaya di-kehendaki menjalani lathaan untuk menjadi Pembantu Rumah Sakit Terlatih (dengan mendapati Sijil Jururawat Terlatih) di-Rumah Sakit Besar, Brunei. Biasa-nya kursus ini akan memakan masa 3 tahun. Sa-telah tamat lathaan sa-bagai Pembantu Rumah Sakit dan sa-sudah memperolehi Sijil Jururawat Terlatih, pemohon2 akan layak di-tetapkan sa-bagai Pembantu Rumah Sakit Terlatih.

Pakaian seragam akan di-beri perchuma dan tempat tinggal akan di-sediakan jika perlu.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat daripada 28hb. Mach, 1972.

DI-PEJABAT DAERAH TEMBURONG

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenuhi jawatan2 kosong di-Pejabat Daerah, Temburong. Hanya orang2 yang tinggal di-Daerah Temburong dan mempunyai pengetahuan tentang daerah ini di-kehendaki memohon.

1. PENGAWAS KECIL (2 jawatan)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

(a) Pemohon2 mesti-lah boleh menulis dan membaca dalam

bahasa Melayu atau lulus Darjah IV Sekolah Melayu atau yang sebanding dengan-nya.

- (b) Mempunyai pengalaman menjaga dan mengawas buroh2.
(c) Berkhidmat dengan Kerajaan sekurang2-nya sa-lama 3 tahun.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E 1-2 EB 3 — \$220x10-290/EB/300x10-350.

2. PENJAGA: ((1 jawatan)

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah berumur di-

antara 30 dan 45 tahun dan boleh menulis dan membaca.

Tugas2:

Pemohon2 yang berjaya hendak-lah bersedia bertugas di-waktu malam.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F. 1 — \$180x5-195.

3. TUKANG KEBUN:

(2 jawatan)

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 18 dan 30 tahun.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F. 1 — \$180x5-195/EB/200x5-215.

Pemohonan2 hendak-lah dihantar melalui Ketua2 Jabatan masing2 siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat daripada 8hb. April, 1972.

Sa-bagai Guru Ugama Pelateh

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada murid2 Sekolah Ugama Kerajaan Brunei yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenuhi jawatan2 kosong sa-bagai Guru2 Ugama Pelateh (Perchubaaan) di-Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei.

Kelayakan2:

- (i) Umor di-antara 17 hingga 25 tahun.
(ii) Lulus Darjah VI Sekolah Ugama dan Sijil Rendah Pelajaran.

Pemohon2 yang berjaya mesti-lah sedia untuk bertugas di-mana2 sekolah di-dalam negeri.

Gaji:

\$200.00 sa-bulan.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat daripada 9hb. April, 1972.

Di-Jabatan Talikom

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk dilantek sa-bagai Pelateh Teknik di-Jabatan Talikom, Brunei.

Kelayakan2:

- (a) Pemohon2 mesti-lah berumur antara 16 dan 19 tahun.
(b) Mesti-lah lulus Peperiksaan Cambridge School Certificate dengan mendapati kepujian dalam Ilmu Hisab, Fisik dan Bahasa Inggeris atau pun lulus Peperiksaan G.C.E. Peringkat Biasa dalam Ilmu Hisab, Fisik dan Bahasa Inggeris.

Gaji:

Gaji permulaan sa-banyak \$290/- sa-bulan dalam sukatan gaji E 2-3 — (\$290 — 350).

Chalon2 yang berjaya akan di-

beri lathaan sa-lama dua tahun dalam kejuruteraan talikom di-Brunei dan seberang laut. Sa-sudah berjaya menamatkan lathaan ini chalon2 akan di-naikkan pangkat sa-bagai Pembantu Teknik dalam sukatan gaji D 3 EB 4 — \$410x20-510/EB/540x20-660 dengan gaji permulaan \$490.00 sa-bulan. Chalon2 yang tidak berjaya menamatkan lathaan dua tahun ini akan di-benarkan terus berkhidmat dengan Kerajaan sa-bagai Pembantu Teknik dalam sukatan gaji D 2-3 EB 4 — \$290 x 15-380-410 x 20-510/EB/540x20-660 dengan gaji mengikut peratoran2 Kerajaan.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat daripada 10hb. April, 1972.

Sa-bagai Jururawat Perchubaaan

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari rayaat D.Y.M.M. Sultan bagi dilantek sa-bagai Jururawat Perchubaaan di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah mencapai umur 18 tahun. Mereka mesti-lah lulus Form III Inggeris atau yang sebanding dengan-nya.

Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang mempunyai sijil yang menunjukkan salah satu mata pelajaran-nya ia lulus dalam bahasa Melayu, atau sekurang2-nya boleh bertutor dalam bahasa Mela-

yu dengan chekap.

Sukatan Gaji:

Dalam Perchubaaan: D. 1-2 — \$230x10-280x15-380. Gaji permulaan bergantung kapada kelulusan persekolahan.

Jururawat Terlatih: D. 3 — \$410x20-510.

Sharat2 Lantekan:

- (a) Pemohon2 yang terpilih akan menjalani lathaan bagi mendapatkan Sijil Jururawat Terlatih di-Rumah Sakit Besar, Bandar Seri Begawan. Lazim-nya lathaan ini memakan masa sa-lama 3 tahun 4 bulan. Sa-telah memperolehi Sijil Juru-

rawat Terlatih, pemohon2 ada-lah berhak di-tetapkan sa-bagai Jururawat Terlatih di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan Kerajaan Brunei.

- (b) Pakaian seragam ada-lah di-beri perchuma dan tempat tinggal akan di-adakan. Jururawat2 Perchubaaan akan menerima alaon dhobi dan alaon makan.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat daripada 15hb. April, 1972.

SI-TUYU oleh: m. sallah ibrahim



Pelajar2 dewasa di-seru supaya jangan melepaskan peluang

LAMBAK, BERAKAS. — Penguasa Pelajaran Ugama, Awang Yahya bin Haji Ibrahim menyeru rakyat dan penduduk Islam yang dewasa di-negeri ini supaya tidak melepaskan peluang yang perchuma yang di-berikan oleh Kerajaan dalam pengajian Ugama Islam dan pembelajaran Al-Quran.

Kerajaan, kata-nya, telah mengadakan peruntukan yang agak besar yang semata2 tujuan-nya untuk memberikan kemudahan kepada penduduk2 Islam bagi melengkapkan diri masing2 sa-bagai orang2 Islam.

Pendaftaran masuk pereksa SPM, STP

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pendaftaran bagi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (aliran Inggeris & Melayu) dan peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan (Aliran Inggeris & Melayu) di-mulakan pada 15hb. Mach, 1972 dan tarikh penutup-nya tidak lewat pada 15hb. April, 1972. Pengetua Sekolah/Maktab dan Penyelia darjah Dewasa yang mengemukakan penuntut2-nya dalam peperiksaan ini hendaklah mengisikan borang masuk pereksa yang di-sediakan oleh pejabat ini dan hendaklah di-kembalikan ka-Pejabat Pelajaran, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh penutup yang di-sebutkan.

Hanya penuntut2 yang sedang belajar dalam Tingkatan V sahaja yang di-benarkan memasoki bagi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia dan yang sedang belajar dalam Tingkatan VI atas sahaja bagi Sijil Tinggi Persekolahan.

Bayaran peperiksaan hendaklah di-jelaskan di-pejabat ini seperti berikut:

PEPEREKSAN SJIIL PELAJARAN MALAYSIA (ALIRAN INGERIS & MELAYU)

Bayaran Asas \$15.00; Bayaran tempatan \$10.00; Bayaran tiap2 mata pelajaran \$6.00.

PEPEREKSAN SJIIL TINGGI PERSEKOLAHAN (ALIRAN INGERIS & MELAYU)

Bayaran Asas \$15.00; Bayaran tempatan \$10.00; Bayaran satu mata pelajaran Principal \$15.00; Bayaran satu mata pelajaran Subsidiary \$6.00; Bayaran Kertas 'Am \$6.00; Bayaran Kertas English Usage (Untuk Aliran Melayu) \$6.00.

Chalun2 persendirian yang ingin memasoki peperiksaan MCE/SPM mesti-lah lulus peperiksaan LCE/SRP tahun 1970, atau terdahulu dengan mendapat pangkat A atau B, atau yang telah pernah memasoki peperiksaan ini. Bokti2 yang mereka sedang belajar/mengikuti Kursus yang di-akui dalam Tingkatan V hendaklah di-tunjukkan pada masa pendaftaran di-lakukan, dan yang ingin memasoki peperiksaan HSC/STP mesti-lah lulus MCE/SPM atau sa-kurang2 tiga mata pelajaran peringkat biasa (Three 'O' level) dalam tahun 1970 atau terdahulu, atau telah pernah memasoki peperiksaan ini. Bokti2 yang mereka sedang belajar/mengikuti kursus yang di-akui dalam Tingkatan VI atas hendaklah di-tunjukkan pada masa pendaftaran di-lakukan.

Beruchap sa-belum menyampaikan sijil kepada pelajar2 dewasa Ugama Lambak pada hari Jumaat lepas, Awang Yahya menekankan bahawa galakan2 yang di-berikan oleh Kerajaan ka-arrah pembekalan ilmu pengetahuan Islam ada-lah ternyata bagi kepentingan orang2 Islam sendiri di-negeri ini.

Tetapi, kata-nya, sa-tengah2 mereka telah meringankan tujuan yang suchi itu dan membiarkan mereka mengalami kerugian.

Ini terbokti apabila beliau menyebutkan tentang penutupan beberapa buah kelas2 dewasa ugama yang mana penuntut2-nya di-dapati tidak rajin datang ka-kelas dan kadang2 kelas2 itu berkeadaan lengang, hanya di-hadiri oleh guru sahaja.

Menurut beliau lagi, dari keadaan itu, penutupan terpaksa di-lakukan demi untuk memberikan peluang kepada penuntut2 di-kampung2 lain yang juga berkeinginan untuk belajar.

Kapada pelajar2 dan bakal pelajar dewasa sama ada di-kelas2 Ugama dan Quran, beliau menyeru supaya memikirkan akan pengorbanan Kerajaan yang semata2 untuk kepentingan mereka itu.

Kerajaan, kata-nya, telah memperuntukan sa-banyak \$187,000 untuk alau mengajar sahaja.

Wang ini, kata-nya, hendaklah kita perhati2kan baik2, kerana ia-nya untuk kepentingan pengetahuan pelajar2 sendiri. Oleh itu biarlah ia-nya di-gunakan dengan penuh pengertian dengan chara menghadhiri beramai2 ka-kelas2 yang di-buka itu.



Awang Yahya bin Haji Ibrahim.

Amalkan kerjasama (Dari muka 1)

sa-tu2 projek persatuan itu bekerja dengan tidak menerima bantuan yang wajar dari ahli2 yang lain.

Beliau menyeru seluruh ahli2 persatuan belia dan kebajikan di-negeri ini supaya mengamalkan untuk bekerja bersama2 dan memikirkan akan kemajuan persatuan dan nama baik kampung masing2.

Persatuan yang kita tubuhkan itu, kata-nya, ada-lah kepunyaan kita bersama dan burok baik persatuan itu ada-lah terpikul di-bahu kita semua, tetapi bukan di-bahu orang persaoangan.

Majlis penyampaian sijil2

(Dari Muka 5)

mana kesemua yang mengambil peperiksaan peringkat rendah itu telah mencapai kelulusan yang chemerlang.

Beliau juga memuji pelajar2 perempuan yang telah dapat menumpukan perhatian dalam pelajaran, sungguh pun mereka mempunyai anak yang ramai sa-lain dari urusan2 rumah tangga.

Sementara itu, Pengerusi Majlis Penyampaian Sijil2 itu, Awang Ahmad bin Haji Mohiddin menyatakannya bahawa kelas dewasa Uga-

ma di-kampung itu telah di-adakan sejak tahun 1967 yang sa-hingga pada masa ini telah mempunyai empat buah kelas.

Ketua Kampung Lambak, Awang Juna bin Kahar pula menyeru penduduk2 kampung-nya supaya beramai2 lagi menghadhiri kelas2 dewasa ugama dan Quran untuk menambahkan pengetahuan masing2.

Majlis itu telah di-serikan lagi dengan persembahan2 nashid dan bacaan kitab suchi Al-Quran dari pelajar2 itu.

Pemenang2 Peraduan Mengarang Cherita Tatarayat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Awang Abu Bakar bin Osman telah di-ishtiharkan sa-bagai pemenang pertama dalam peraduan mengarang cherita tatar'ayat untuk bacaan Darjah IV yang di-anjarkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei dalam tahun lepas.

Peraduan itu telah di-mulakan sejak pertengahan bulan Mei dan di-tutup penyertaan-nya pada akhir bulan Oktober, 1971 yang lalu.

Awang Abu Bakar ia-lah sa-orang guru lepasan Maktab Perguruan Brunei yang kini bertugas di-Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan.

Beliau pernah memenangi dua hadiah penghargaan dalam peraduan mengarang cherpen kanak2 dan dewasa yang juga di-anjarkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada awal tahun 1971.

Cherita tatar'ayat beliau yang berjaya mendapat hadiah pertama itu berjudul "Keluarga Awang Osman".

Hadiah kedua di-menangi oleh Dayang Norsiah binte Abdul Gapar, sa-orang penuntut di-Maktab Anthony Abell, Seria dengan cherita tatar'ayat-nya yang berjudul "Hidup Berkeluarga dan Bermasyarakat".

Dayang Norsiah pernah memenangi hadiah pertama dalam peraduan mengarang cherpen untuk kanak2 dan hadiah kedua dalam peraduan cherpen dewasa yang juga di-anjarkan oleh DBP.

Hadiah ketiga di-menangi oleh Awang Ahmad bin Mohd. Arshad dengan cherita tatar'ayat-nya yang bertajuk "Keluarga Yang Bahagia". Dalam peraduan cherpen kanak2 dan dewasa, beliau juga memenangi dua hadiah penghargaan.

Lima orang lagi telah di-ishtiharkan sa-bagai memenangi hadiah penghargaan. Mereka itu ia-lah Awangku Aji Pg. Mohd. Tahir, Awang Bakir Haji Tengah, Awang Hussain Haji Damit, Awang Abd. Rahman Mohd. Yusof, dan Awang Mohd. Salleh bin Abdul Latiff.

Penyampaian hadiah kepada pemenang2 itu akan di-umumkan kemudian.



PENUNTUT2 Kelas Dewasa Ugama Perempuan Kampung Lambak bergambar ramai sa-lepas upacara penyampaian sijil yang telah di-adakan di-S.M. Datu Mahawangsa pada minggu lalu. Sijil2 tersebut telah di-sampaikan oleh Penguasa Pelajaran Ugama, Awang Yahya bin Haji Ibrahim (duduk no. 5 dari kiri) Dudok di-kiri sekali ia-lah Nazir Sekolah Ugama Bahagian Dewasa, Dk. Salamah binte Pg. Haji Ismail.